



# e-BULETIN

BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

EDISI 5 BIL. 1/2019

## MALAYSIA KE ARAH NEGARA 'SIFAR RASUAH'



## KANDUNGAN

Dari Meja Pengarang .....	1
Segmen Khas: Ketua Pesuruhjaya SPRM Baharu .....	2
Anjung BPIA :	
BPIA Mengorak Langkah Kawal Selia Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) .....	3
Statistik Penempatan Pegawai SPRM Di Agensi Luar .....	4
Penaftanan Risiko Rasuah Organisasi .....	5
Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Yang Baik .....	6
Sudut Warna-Warni BPIA .....	7
Lestari Integriti:	
Integriti Dalam Kerja :	
Sokongan Padu Pengurusan Tertinggi .....	8
<i>Anti-Bribery Management System MS/ISO 37001:2016..</i>	9
Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) .....	9
Perkongsian Integriti .....	10
Jelajah Integriti Di Peringkat Antarabangsa .....	10
Integriti Di Hati : Adik Abang .....	11
Way Forward: Pengurusan Integriti Awam & Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) .....	12

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

KPj Puan Latheefa Koya

### PENASIHAT

TKPj Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil

### KETUA SIDANG PENGARANG

TPj Dato' Junipah binti Wandu

### PENYELARAS

TPj Saiful Ezral bin Ariffin

### PENGARANG DAN PRODUKSI

P/PPKj Abdul Halim bin Mohd Zain

PPj RMalarvili a/p Ramachandran

Puan Nur Baiti binti Mohd Othman

Ps Siti Ashura binti Mat Hanapiah

Ps Abdul Amidin bin Abdullah

KPKPs Sharifah Aidah binti Haji Wan Hadion

PkPs Nursahana binti Idris

Noor Syaffinaz binti Hashim

Nadzirah binti Mohd Yusoff



## DARI MEJA PENGARANG

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Syukur kehadiran Allah SWT dengan rahmat dan izin-Nya,

E-buletin BPIA edisi ke-5 diteruskan bagi menyebarkan maklumat integriti kepada pegawai-pegawai Integriti/ CeLO dan warga SPRM.

Sebagai pembuka tirai tahun 2019 dan sejajar dengan aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah, Kerajaan telah memperkenalkan satu dasar baharu iaitu Pelan Antirasuah Nasional/ *National Anti Corruption Plan (NACP) 2019-2023*. Pelan bersepadu yang julung kali digubal bagi menentang rasuah ini menggariskan enam bidang keutamaan yang menjadi teras dalam usaha pembanteras rasuah di negara ini. Bidang itu ialah Tadbir Urus Politik, Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Perundangan dan Kehakiman, Penguatkuasaan Undang-Undang serta Tadbir Urus Korporat.

Pelan ini akan menjadi rujukan utama kepada semua agensi Kerajaan dan entiti yang berkaitan dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah.

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu tanggungjawab baharu kepada pegawai-pegawai integriti/ CeLO yang ditempatkan di agensi awam mahupun swasta sebagai penggerak NACP dan OACP dalam agensi masing-masing dengan tujuan merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus yang baik dan lebih jitu.

Integriti dan disiplin berpisah tiada, maka adalah menjadi amanah dan tanggungjawab pegawai-pegawai integriti/ CeLO agensi awam dan swasta serta Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) untuk memastikan matlamat dan inisiatif Kerajaan berjaya dilaksanakan dengan tuntasnya.

Doa dan harapan tahun 2019 menjadikan SPRM amnya serta BPIA khususnya cemerlang dalam menegakkan integriti dengan memastikan 'Rasuah Dihina Maruah Dibina'.

*TPj Dato' Junipah binti Wandu*

**(Ketua Sidang Pengarang e-Buletin BPIA)**

e-Buletin BPIA diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM sebagai inisiatif perkongsian maklumat kepada warga BPIA, Unit Integriti awam dan swasta khususnya dan warga SPRM umumnya. Artikel-artikel di dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi dan bukannya dasar atau keputusan rasmi daripada SPRM serta tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Sebarang penyuntingan semula bahan perlu dimaklumkan kepada urus setia untuk kelulusan Pengurusan Tertinggi SPRM. Buletin ini adalah edaran umum dan boleh dimuat turun daripada laman web rasmi SPRM.





**Puan Latheefa Koya**, wanita pertama dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 1 Jun 2019. Pelantikan beliau susulan Dato' Sri Mohd. Shukri Abdull memendekkan perkhidmatan kontrak sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM. Pelantikan ini adalah antara langkah pembaharuan penting ke arah proses reformasi institusi Kerajaan. Puan Latheefa Koya yang berkelulusan Ijazah Undang-Undang dari University of London telah memulakan tugasnya secara rasmi di Ibu Pejabat SPRM pada 7 Jun 2019.



Beliau menegaskan bahawa beliau akan sentiasa menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan bagi satu tujuan iaitu memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa. Beliau juga akan memberi penekanan ke atas aspek pencegahan dan pendidikan agar dapat mewujudkan satu suasana yang tidak bertoleransi kepada rasuah.

Warga SPRM akan terus memberi sokongan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM baharu dalam membanteras rasuah.

**Selamat Datang Puan Latheefa**



# KETUA PESURUHJAYA SPRM BAHARU

**Dato' Sri Shukri Abdull**, bekas pegawai SPRM yang telah memegang amanah sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM selama setahun mulai 17 Mei 2018, kini telah menamatkan perkhidmatan pada 31 Mei 2019. Menurut beliau, kepentingan integriti dalam dirinya antara sebab beliau kembali ke SPRM bagi tempoh setahun. Dalam setahun tempoh perkhidmatan sebagai Ketua Pesuruhjaya, beliau telah berjaya memimpin SPRM dengan cemerlang termasuk menyelesaikan dua kes berprofil tinggi.

Selain memberi fokus kepada sektor operasi, beliau telah banyak memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan program serta inisiatif-inisiatif pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai SPRM yang ditempatkan di agensi luar sebagai Pegawai Integriti. Beliau juga telah memperkenalkan satu inisiatif baru iaitu Pegawai Integriti Menteri (PIM), bertujuan memperbaiki pentadbiran dan tadbir urus Menteri. Inisiatif ini disyor dilaksanakan di kementerian-kementerian berisiko tinggi yang terpilih berdasarkan kriteria-kriteria tertentu.

SPRM khususnya BPIA ingin mengucapkan terima kasih tak terhingga di atas sumbangan padu dan jasa beliau dalam memantapkan pengurusan integriti agensi awam dan swasta.



**JASAMU SENTIASA DIKENANG**







Sesi Perbincangan berkaitan Pembangunan Input Komponen Penarafan Risiko Syarikat Berkaitan Kerajaan/ Government-Linked Companies (GLC ) pada 24 Januari 2019 di Ibu Pejabat SPRM yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Junipah binti Wandu. Sesi ini melibatkan wakil-wakil dari Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bank Negara, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP), Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat (BPRM) dan Pegawai-pegawai SPRM yang ditempatkan di agensi luar.

# BPIA MENGORAK LANGKAH KAWAL SELIA SYARIKAT BERKEPENTINGAN KERAJAAN (SBK)

Bermula 5 Oktober 2018 Kerajaan mengumumkan penubuhan Unit Integriti & Governans (IGU) melalui Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No 1 Tahun 2018, tanggungjawab BPIA sebagai pusat kawal selia dan penyelarass pengurusan integriti agensi telah semakin meningkat.

Penggal pertama 2019, BPIA telah mula merealisasikan siri arahan ini dengan mengadakan sesi-sesi keterlibatan bersama Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) di Malaysia. Setiap sesi keterlibatan ini bertujuan untuk menerangkan objektif siri arahan ini dan menjelaskan langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil oleh SBK dalam pelaksanaan IGU di agensi masing-masing. BPIA juga menerima kunjungan daripada beberapa SBK yang utama seperti Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), Sime Darby Property Berhad, Malaysia Technology Development Corporation (MTDC), Projek Lintasan Kota Holding Sdn Bhd (PROLINTAS) untuk mendapatkan penerangan dan khidmat nasihat berkaitan penubuhan IGU.

Selain itu, BPIA juga telah menerima permohonan penempatan pegawai SPRM di IGU sebagai Ketua Integriti dan Governans (*Chief Integrity and Governance Officer/ CIGO*) atau Pegawai Integriti dan Governans (*Integrity and Governance Officer/ IGO*). Sehingga bulan Jun 2019, BPIA telah mengadakan 23 sesi keterlibatan berkaitan penubuhan IGU manakala menerima 9 permohonan penempatan pegawai SPRM di agensi luar.

Dalam tempoh 2 tahun *grace period* yang diberikan bagi penubuhan IGU ini, BPIA berharap dapat membantu lebih banyak lagi SBK untuk mewujudkan IGU di syarikat masing-masing selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memantapkan tahap integriti dan governans di semua SBK seperti mana yang digariskan dalam 6 strategik dalam Pelan AntiRasuah Nasional ( NACP).



Sesi keterlibatan BPIA bersama UMW Holdings berkaitan penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) pada 30 April 2019.



Sesi keterlibatan BPIA bersama Cyberview Sdn Bhd berkaitan penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) pada 20 Jun 2019.



Sesi keterlibatan BPIA bersama Institut Jantung Negara Sdn Bhd (IJNSB) berkaitan penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) pada 16 Januari 2019.



Taklimat ringkas oleh YBhg. Dato' Junipah binti Wandu berkaitan Jawantankuasa Antirasuah (JAR) / Unit Integriti & Governans (IGU) dan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dalam Mesyuarat JAR Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada 10 Mei 2019.



Sesi keterlibatan BPIA bersama Presiden FAM, Dato' Haji Hamidin bin Haji Mohd Amin dan Setiausaha Agung FAM, Mr Stuart Michael Ramalinggam berkaitan penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) pada 10 April 2019.





Mesuarat penempatan Pegawai SPRM di Unit Integriti & Ombudsman, Jabatan Ketua Menteri Sarawak pada 14-15 Januari 2019



Sesi keterlibatan BPIA bersama Perbadanan Aset Keretapi berkaitan penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) pada 21 Jun 2019.



Sesi keterlibatan BPIA bersama Kumpulan Wang Persaraan berkaitan penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) pada 13 Februari 2019.



Sesi keterlibatan BPIA bersama Unit Integriti Kementerian Industri Utama berkaitan pelaksanaan fungsi Unit Integriti (UI) pada 21 Jun 2019.

## STATISTIK PENEMPATAN PEGAWAI SPRM DI AGENSI LUAR

### AGENSI AWAM

**56**



Seramai **56** Pegawai SPRM ditempatkan di **38** Agensi Awam



### SYARIKAT BERKEPENTINGAN KERAJAAN

Seramai **15** Pegawai SPRM ditempatkan di **12** SBK

**15**



## GARIS PANDUAN PENGURUSAN UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM & GARIS PANDUAN PENGURUSAN UNIT INTEGRITI & GOVERNANS

Pekeliling Bil. 6 Tahun 2013, mengenai Penubuhan Unit Integriti (UI) Agensi Awam merupakan satu-satunya panduan kepada UI dalam melaksanakan fungsi teras yang ditetapkan. Kandungan pekeliing yang ringkas dan umum memberi kekangan kepada UI dalam melaksanakan tanggungjawab dengan jelas. Maka bagi membantu UI, BPIA telah mengambil inisiatif untuk mengeluarkan satu Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam yang lebih komprehensif berkaitan fungsi teras supaya UI dapat gambaran lebih jelas dalam melaksanakan tugas yang ditetapkan. Selain itu garis panduan tersebut juga mengandungi struktur UI yang bersesuaian, peranan pelaksana dan tanggungjawab pengurusan tertinggi dalam menjayakan fungsi UI.

BPIA juga telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti & Governans (IGU) bagi Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) sejajar dengan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No 1 tahun 2018 Penubuhan Unit Integriti dan Governans Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri. Garis panduan IGU telah disediakan dalam versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang boleh dimuat turun dari laman rasmi SPRM.

BPIA berharap dengan adanya garis panduan ini, UI & IGU dapat menjalankan fungsi teras masing-masing dengan lebih teratur dan efektif. Selain itu, garis panduan ini juga dapat menjelaskan keperluan kerjasama dan komitmen tinggi pengurusan tertinggi terhadap UI dan IGU.

## TAHUKAH ANDA?

Kajian Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam/ *Public Sector Corruption Ranking* (PSCR) telah mula dilaksanakan pada tahun 2017 ke atas 25 buah Kementerian Persekutuan bagi tujuan mengenal pasti tahap rasuah dan pelanggaran integriti agensi awam di Malaysia berdasarkan kepada komponen yang ditetapkan. Pelaksanaan kajian telah diperluaskan kepada Agensi Penguatkuasaan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada tahun 2019.

PSCR telah dijadikan salah satu elemen dalam *Minister Performance Indicator* (MPI) pada tahun ini oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) susulan daripada keputusan Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan pada 27 November 2018 serta telah mendapat persetujuan daripada YAB Perdana Menteri pada 28 November 2018. Kerajaan mengambil keputusan menjadikan keputusan PSCR sebagai MPI bagi mengukur prestasi sesebuah Kementerian dari segi isu rasuah dan isu integriti. Usaha baharu Kerajaan ini merupakan tanggungjawab baharu kepada UI dan pengurusan tertinggi agensi dalam menangani isu-isu rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pelanggaran integriti. Tidak dinafikan juga, usaha ini merupakan antara inisiatif pencegahan rasuah daripada SPRM yang berjaya mendapatkan sokongan Kerajaan dalam membanteras gejala rasuah di sektor awam.

## PENARAFAN RISIKO RASUAH ORGANISASI



Penarafan risiko organisasi telah mula dilaksanakan pada tahun 2013 ke atas agensi awam sejajar Pekeliling Bil. 6 Tahun 2013 Penubuhan Unit Integriti (UI) Agensi Awam. Kajian ini dijalankan setiap 3 tahun atau mengikut keperluan semasa. Kajian penarafan semula telah dilaksanakan pada tahun 2018 ke atas semua agensi awam di negara ini. Penarafan ini bertujuan untuk membantu agensi menentukan struktur UI yang bersesuaian mengikut taraf risiko tinggi, sederhana dan rendah yang ditetapkan. Hasil penarafan ini akan diberikan berdasarkan permohonan daripada agensi.

Pada tahun 2019, penarafan risiko rasuah organisasi mula dilaksanakan ke atas Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) selari dengan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No 1 tahun 2019

Penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan Termasuk di bawah Kerajaan Negeri. BPIA selaku pihak kawal selia IGU, telah mengambil langkah pertama dengan menjemput wakil dari Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bank Negara, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP), Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat (BPRM) dan Pegawai-pegawai SPRM yang ditempatkan di Agensi Luar bagi sesi *brainstorming* pembangunan input komponen penarafan yang bersesuaian untuk penarafan risiko rasuah SBK pada 24 Januari 2019. Sesi kedua telah dilaksanakan pada 28 Mei 2019 di mana mesyuarat bersetuju dengan cadangan komponen dalaman dan luaran yang disyorkan oleh pihak BPIA. Kini BPIA dalam usaha untuk mengumpul data-data komponen yang telah dipersetujui daripada pihak SBK dan BPRM. Hasil kajian penarafan ini dijangka akan siap sepenuhnya pada pertengahan bulan Oktober 2019.





## MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI SPRM BERSAMA PEGAWAI SPRM YANG DITEMPATKAN KE AGENSI LUAR (MPSAL) SIRI 25 BIL. 1 TAHUN 2019

MPSAL Siri 25 Bil. 1 Tahun 2019 yang diadakan pada 8 Mac 2019 lalu di Ibu Pejabat SPRM telah dipengerusikan oleh Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull, mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM. Mesyuarat ini melibatkan semua pegawai SPRM yang ditempatkan di agensi awam, swasta dan di Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK). MPSAL yang mana merupakan platform untuk perbincangan permasalahan atau isu kali ini telah membincangkan beberapa perkara penting terutamanya peranan dan tanggungjawab pegawai dalam membantu merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus yang baik. Pegawai dikehendaki melaksanakan tindakan sepertimana yang tertakluk di dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan seterusnya menasihati Kementerian/ jabatan/ agensi bagi memastikan visi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang dikenali dengan integriti dan bukannya rasuah tercapai. Selain itu, mengambil langkah-langkah pencegahan dan menambah baik agensi masing-masing berdasarkan keputusan kajian *Public Sector Corruption Ranking* (PSCR) yang kini telah diputuskan sebagai *Minister Performance Indicator* (MPI) oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN). Pegawai juga diminta peka dan proaktif terhadap isu berkaitan Kementerian/ jabatan/ agensi masing-masing yang ada di media sosial dan *mainstream* media setiap masa.



## MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS YANG BAIK



## MINIT MESYUARAT KETUA UNIT INTEGRITI (KEMENTERIAN, NEGERI, AGENSI RISIKO TINGGI DAN SEDERHANA) SIRI 1 BIL.1TAHUN 2019

Mesyuarat telah diadakan pada 30 April 2019 lalu di SPRM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan 76 orang pegawai dari Unit Integriti (UI) Kementerian, Kerajaan Negeri yang berisiko tinggi dan sederhana. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull, mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Antara isu yang dibincangkan adalah penambahan peranan dan masalah kekangan tenaga kerja di UI dalam melaksanakan inisiatif NACP dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada 29 Januari 2019. UI dinasihatkan supaya menyemak semula struktur perjawatan UI dengan Bahagian Sumber Manusia masing-masing bagi penambahan perjawatan agar dapat melaksanakan tugas baharu ini dengan efektif. Dari segi pelaksanaan fungsi UI, KUI diminta membuat profiling terhadap agensi berisiko tinggi, sederhana dan rendah yang berada di bawah Kementerian dan Kerajaan Negeri bagi mengetahui sektor yang berisiko dan perlu diberi perhatian serius. KUI juga perlu memberi perhatian ke atas isu pegawai lantikan politik dan pelaksanaan pusingan kerja bagi jawatan sensitif bagi mencegah isu-isu pelanggaran integriti dari berlaku.

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dipuji kerana meningkatkan prestasi kedudukan PSCR pada tahun 2018 dan diminta untuk berkongsi amalan baik (*Best Practice*) dalam mesyuarat akan datang.





## MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR) SIRI 1 BIL. 1 TAHUN 2019

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) yang diadakan pada 18 Februari 2019 lalu di Bangunan Perdana Putera adalah salah satu mekanisme bagi pelaksanaan inisiatif Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan bagi menggantikan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Antara agenda mesyuarat adalah pembentangan oleh YBhg. Dato' Junipah binti Wandu, Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) berkaitan JAR dan punca kuasa pelaksanaannya iaitu Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan.

KSN berharap semua kementerian, Kerajaan negeri, jabatan dan agensi memberikan kerjasama sepenuhnya dalam pelaksanaan JAR dengan mengemukakan isu governans, integriti dan antirasuah yang bersifat generik agar objektif sebenar JAR tercapai. Beberapa isu utama telah dibentangkan dan dibincangkan dalam platform tersebut antaranya adalah pusingan kerja (*job rotation*) pegawai. Pusingan kerja ini akan melibatkan pegawai yang telah ditempatkan di jawatan sensitif melebihi tempoh tiga tahun seperti dalam bidang perolehan, tender dan penguatkuasaan di kementerian/ jabatan/ agensi/ negeri sejajar dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2004 bagi mengelak serta mengurangkan ruang dan peluang berlakunya ketidakpatuhan integriti, rasuah dan salah guna kuasa. Selain itu cadangan mendapatkan peruntukan untuk program pencegahan, kempen dan promosi antirasuah melalui Kementerian Kewangan (MOF) dan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menimbangkan kesesuaian untuk memasukkan program antirasuah dalam program-program belia yang dianjurkan.

Dari sudut perkongsian amalan baik (*best practices*): Tuan KPKPj Nazli Rasyid bin Haji Sulong, Ketua Unit Integriti, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membentangkan kertas kerja Pelan Pengurusan Risiko Rasuah/ *Corruption Risk Management* (CRM) yang melibatkan isu tajaan dari pihak berkepentingan dan tabung bantuan perubatan.

## MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR) PERINGKAT KEBANGSAAN SIRI 1 BIL. 1 TAHUN 2019

18 FEBRUARI 2019

DEWAN PERSIDANGAN  
UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI

## SUDUT WARNA-WARNI BPIA

### Majlis Doa Selamat & Majlis Hari Raya BPIA

28 Jun 2019



BPIA juara gerai tercantik dalam Program Jalinan Mesra SPRM Bersama Masyarakat 2019 pada 24 Jun 2019





Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah  
Peringkat Jabatan Perdana Menteri  
Dan Agensi Bil 1 2019



Mesyuarat JAR Peringkat JPM Bil. 1/2019 telah diadakan pada 29 Mac 2019. Antara agenda mesyuarat adalah taklimat dan penjelasan berkaitan JAR oleh YBhg. Dato' Junipah binti Wandi, Pengarah BPIA.

**BICARA INTEGRITI**  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
BERSAMA  
PEGAWAI PENGURULAN DAN PROFESIONAL  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

TARICHT: 29 MEI 2019 (KHAMIS)  
MASA: 1.00 PTG - 4.30 PTG  
TEMPAT: AUDITORIUM, MENARA DBKL

YBHG. DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HAJI BAKAR

YBhg. Datuk Seri Dr Ismail Bakar turun padang sendiri berjumpa dengan pegawai-pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional DBKL dalam sesi Bicara Integriti pada 2 Mei 2019 di Menara DBKL.

## INTEGRITI DALAM KERJA

**USAHA DAN INISIATIF-INISIATIF YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH UNIT INTEGRITI (UI) AGENSI AWAM DAN UNIT INTEGRITI & GOVERNANS (IGU) DALAM MENINGKAT DAN MEMANTAPKAN AMALAN INTEGRITI DALAM KERJA.**

Insiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini bukan sahaja mendapat kerjasama dalam kalangan pegawai dan kakitangan agensi sahaja malah mendapat sokongan padu daripada Pengurusan Tertinggi agensi jua. Penglibatan secara langsung dan komitmen yang diberikan ini amat membantu UI atau IGU untuk melaksanakan fungsi teras masing-masing dengan baik bagi mencapai hasrat Kerajaan untuk menjadikan **Malaysia Sifar Rasuah!**



**TIADA KOMPROMI KE ATAS STAF  
YANG TERLIBAT DENGAN SALAH LAKU**

IGU FELCRA Berhad telah melaksanakan pelbagai usaha dalam memantapkan integriti kakitangannya sepanjang penggal pertama tahun 2019. Selain itu, Pihak Pengurusan tertinggi FELCRA Berhad, Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad, Mohd Nazrul Izam Mansor menegaskan bahawa pengurusan tidak akan kompromi ke atas staf yang terlibat dengan salah laku melalui kenyataan bertulis yang dikeluarkan pada bulan April 2019.

"Kerajaan Sarawak telah berjaya melahirkan seramai 43 orang Pegawai Integriti Bertauliah atau "Certified Integrity Officer" secara serentak. Semua CeIO termasuk 10 orang sebelum ini, akan ditempatkan di pelbagai Kementerian, Jabatan, Pentadbiran Bahagian, Badan-badan Berkanun serta beberapa Syarikat Berkepentingan Kerajaan bagi memastikan integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik."

YB Datuk Haji Talib Zulpiliip  
Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti & Ombudsman)

7 Mei 2019 (Selasa)  
Lokasi: Pengumuman Mesyuarat Pertama Persidangan DUN Ke-18 Penggal Ke-2 2019

#IntegritiSarawak  
#ambudsmanSarawak

Kerajaan Sarawak telah melahirkan 43 *Certified Integrity Officer* (CeIO) bagi memastikan integriti dan tadbir urus baik diamalkan di negeri tersebut. Perkara ini diumumkan oleh YB Datuk Haji Talib Zulpiliip Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Integriti & Ombudsman) di Mesyuarat Persidangan DUN ke 18 pada 7 Mei 2019.

"Warga KKM digalakkan melaporkan kelakuan yang menjurus kepada rasuah dan salah guna kuasa. Jangan disebabkan ingih menjaga nama baik maka kesalahan yang berlaku di dalam organisasi terus disorokkan dan tidak diambil tindakan. Jangan takut untuk melaporkan kerana mereka akan dilindungi."

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad  
Menteri Kesihatan Malaysia  
Perhimpunan Bulanan KKM, 20 Mac 2019

"Saya mengharap kerjasama dan komitmen daripada semua pihak dalam usaha mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016. Saya berharap usaha ini dapat menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah serta mencapai hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia ke arah Zero Tolerance Towards Corruption"

YBhg. Datuk Seri Dr. Chen Chaw Min  
Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia  
Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah KKM, 23 Mac 2019

Warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diminta melaporkan kelakuan rasuah dan salah guna kuasa tanpa perasaan takut, seru Menteri KKM YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad di perhimpunan bulanan KKM pada 20 Mac 2019, manakala Ketua Setiausaha KKM, YBhg. Datuk Seri Dr. Chen Chaw Min mengharapkan kerjasama semua dalam mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management System* yang mana satu usaha bagi menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah.





MS ISO 37001 : 2016 Sistem Pengurusan Antirasuah adalah sistem pengurusan yang direkabentuk membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencegah, mengesan dan bertindakbalas terhadap perlakuan rasuah. KKM menasaskan "toleransi sifar terhadap rasuah (zero tolerance towards corruption)" di dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Usaha ini sedang digerakkan oleh UI KKM.



Pelancaran 3 dokumen berkaitan iaitu; "Corporate Governance & Business Integrity Blueprint", "Governance, Integrity & Anti-Corruption Manual", dan "Anti-Bribery Management Systems" yang telah ditandatangani dan dirasmikan oleh Pengerusi Kumpulan – Datuk Wira Azhar Abdul Hamid pada 13 Mei 2019.

# Anti- Bribery Management System MS/ ISO 37001:2016



Bengkel *Anti- Bribery Management System ISO 37001:2016* pada 1- 4 April 2019 yang diurussetiakan oleh IGU Johor Corporation.



Seminar Pensijilan ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System (ABMS)* di Hotel Imperial pada 25 Mac 2019 anjuran Unit Integriti & Ombudsman yang dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti & Ombudsman) YB Datuk Haji Talib Zulpilip. Seminar ini diadakan bertujuan memberikan pendedahan dan kesedaran mengenai pelaksanaan ISO 37001:2016 ABMS.

## PENGURUSAN RISIKO RASUAH / CORRUPTION RISK MANAGEMENT



Bengkel *Corruption Risk Management (CRM)* pada 12-13 Mac 2019 di Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) yang dianjurkan oleh UI MINDEF.

Sesi Keterlibatan: *Bribery Risk Assessment For Departments in Johor Corporation* pada 20 Jun 2019 anjuran IGU JCorp.



# PERKONGSIAN INTEGRITI *sharing knowledge...*



Lawatan Unit Integriti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkongsi amalan terbaik di agensi.



Kunjungan hormat *Board Of Directors* dan *Head Of Department* MRT CORP ke Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) pada 28 Februari 2019 bagi membincangkan berkaitan inisiatif MRT selari dengan kehendak Pelan Antirasuah Nasional (NACP).



Lawatan Unit Integriti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) ke Unit Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk sesi perkongsian pada 19 Februari 2019

## JELAJAH INTEGRITI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Lawatan kerja Unit Integriti PETRONAS ke PETRONAS Carigali Turkmenistan Sdn Bhd pada 1-5 April 2019. Lawatan yang diketuai oleh YBhg. Dato Rohaizad Yaakob ini bertujuan membincangkan hal-hal berkaitan isu integriti syarikat PETRONAS Carigali Turkmenistan Sdn Bhd bersama pihak Pengurusan Tertinggi syarikat. Sebanyak 5 sesi ceramah telah dilaksanakan di Ibu Pejabat Ashgabat dan di Kianli yang melibatkan 500 orang pekerja warganegara Malaysia dan tempatan. Hasil lawatan, pihak Pengurusan Tertinggi syarikat PETRONAS Carigali Turkmenistan Sdn Bhd berhasrat untuk menubuhkan unit integriti di syarikatnya. YBhg. Dato Rohaizad Yaakob akan memanjangkan hasrat ini kepada Pengurusan Tertinggi PETRONAS dan juga SPRM untuk perbincangan lanjut.



# ADIK ABANG

"Amboi ! Khusyuknya dengan *handphone* dia... Adik baca apa tu?"

"Baca *posting* kawan adik dalam FB ni. Macam pelik bunyinya. Dia *post* 'Bila manusia bukan lagi manusia di zaman ini'. Habis tu dah jadi haiwan ke manusia zaman ni bang? Soal adikku sambil memalingkan wajahnya ke arahku. Merah padam muka dia. Marah barangkali dengan *posting* yang sedang dibacanya.

"Halus maksud *posting* kawan adik tu," ujarku sambil tersenyum.

"Halus macam mana pula tu bang?" tanya adikku kebingungan. Memang agak tinggi falsafah *posting* kawan adikku itu. Kalau tidak dijelaskan boleh silap faham nanti. Mahu tak mahu aku perlu jernihkan benak adikku.

"Macam ni dik. Maksud kawan adik tu bukannya manusia jadi haiwan atau apa-apa selain manusia. Manusia tetap manusia," jelasku membuka bicara.

"Cuba adik tengok gelas ni. Gelas ni elok kan? Tak pecah kan ? Kalau lah cawan ni retak, boleh tak kita gunakan lagi cawan ni?" "Memang tak boleh lah bang. Cawan dah retak," celah adikku. "Kalau dah cawan yang retak tu tak boleh kita guna, cawan yang retak tu namanya masih cawan kan? Adik aku menganggukkan kepalanya. Mungkin mula memahaminya.

"Hah, sekarang ni, cawan yang retak ni bukan lagi cawan lah. Sebabnya, cawan ni dah tak berfungsi sebagai cawan. Tapi, namanya masih lagi cawan."

"Oh, kalau macam tu, cawan yang retak bukan lagi cawan sebab cawan retak dah tak boleh berfungsi sebagai cawan. Macam tu?" tanya adikku meminta kepastian. Aku menganggukkan kepala tanda setuju.

"Kalau macam tu, manusia yang bukan lagi manusia, maksudnya, manusia yang tak berfungsi seperti manusia? Macam orang gila? Makin berbelit pulak adik rasa," ujar adikku sambil menggaru-garu kepalanya.

Aku tersenyum. "Macam ni dik. Manusia dicipta adalah untuk memakmurkan bumi ini, berbuat baik antara manusia, tidak menganiaya orang, menjaga alam sekitar, hormat-menghormati dan saling berkasih sayang. Itu lah fungsi manusia di dunia ini. Tapi, bila manusia dah mula buat aniaya pada makhluk lain, buat perkara tak baik pada manusia lain, maka manusia itu telah rosak kerana tidak berfungsi dengan fungsi yang sepatutnya."

"Mmm... maknanya betul lah apa yang kawan adik *post* dalam FB tadi. Memang sekarang ni makin menjadi jadi cerita orang jahat di dalam media. Tiap-tiap hari ada jer berita orang bunuh orang, orang terima rasuah, orang tipu orang ... sampai kucing pun dimasukkan ke dalam mesin basuh. Yang terbaru, sisa toksik dibuang ke dalam sungai! Semua ni manusia rosak lah ni. Patutnya tak layak pun dipanggil manusia!"

"Manusia zaman ni dah hidup tak ikut manual. Sebab tu manusia dah

tinggal nama sahaja," ujarku.

"Manual? Maksud abang undang-undang? Peraturan?" bertubi-tubi adikku bertanya.

"Undang-undang, peraturan dan garis panduan yang ada sekarang ni tak mencukupi. Ada satu manual yang telah diberikan kepada kita sebagai panduan dan pedoman sebagai manusia. Manual yang diberikan oleh Pencipta melalui UtusanNya," jawabku.

"Al-Quran?" adikku mencelah.

"Ha! Al-Quran lah dan juga hadith nabi. Kita di akhir zaman ni bertungkus lumus berfikir mencari penyelesaian untuk mencegah manusia daripada melakukan kezaliman dan perkara-perkara yang tidak baik. Lepas satu per satu simposium, diskusi, mesyuarat dan pertemuan dibuat bagi membincangkan hal ni. Tapi ternyata manusia lemah. Setiap keputusan yang dibuat tidak mampu menyelesaikan permasalahan yang ada. Sebenarnya kita dah lupa, solusinya ada dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Hanya Allah sahaja yang tahu bagaimana cara untuk menjaga manusia daripada kerosakan sebab Allah yang cipta kita. Hanya Pencipta yang mengetahui hal keadaan ciptaanNya. Hanya Pencipta yang arif akan masalah ciptaannya."

Aku menyambung lagi bicara : " Allah dan berjanji dalam Al-Quran, ... sesungguhnya Solat itu menghindari perkara yang keji dan mungkar... Nah, berapa ramai daripada kita yang betul-betul cakna dalam hal solat ? Adakah betul-betul kita menjaga solat? Kalau kita bersolat, adakah kita telah bersolat dengan cara dan keadah yang betul ? Adakah kita benar-benar menjadi solat sebagai agenda utama setiap hari kita di tempat kita belajar dan di tempat kerja kita? Adakah kita sedar bahawa solat yang kita belajar dari tadika dulu, mampu untuk selesaikan masalah negara?

Sambil tersenyum sinis adikku membalas, "tapi bang, orang zaman ni tak berpandangan macam tu. Kalau abang tengok keadaan sekarang ni, solat hanya menjadi sebahagian daripada mata pelajaran di sekolah rendah dan menengah. Selepas tu, masing-masinglah sama ada hendak mendalami ilmu solat atau tidak,".

"Betul tu dik. Mmmm, dah hampir jam 3.30 petang ni. Adik dah solat zohor?"

"Astaghfirullah al 'Azim... Punya semangat bercerita, adik sendiri yang terlupa," balas adikku.

Aku hanya mampu tersenyum melihat gelagat adikku. Moga ramai lagi yang tidak lupa untuk mendirikan solatnya pada hari ini.

Imam kecil  
2019





# WAY FORWARD

## PENGURUSAN INTEGRITI AWAM & SBK

IGU akan menjadi salah satu platform dalam mengambil langkah-langkah tataraca mencukupi



UI/ IGU akan membantu agensi dalam mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali " kerana integriti dan bukannya rasuah"

Sek 17A Liabiliti Korporat berkuat kuasa 2020

Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP)

Kewujudan IGU akan mempertingkatkan integriti dan kepercayaan SBK di mata dunia terutama *stake holders* dan pelabur

Penubuhan IGU di semua SBK dalam tempoh 2 tahun (2020)

PSCR sebagai *Minister Performance Indicator (MPI)*

PSCR dijadikan MPI tahun 2019 di mana Pengurusan Tertinggi setiap agensi awam mempunyai peranan penting dalam mengurang dan mencegah isu-isu integriti serta meningkatkan tahap pengurusan integriti agensi masing-masing



# NACP 2019-2023

KE ARAH NEGARA 'SIFAR' RASUAH



**PELAN  
ANTIRASUAH  
NASIONAL  
2019-2023**



**NATIONAL  
ANTI-  
CORRUPTION  
PLAN  
2019-2023**



## LAPORKAN RASUAH



: 1-800-88-6000



: <https://portaladuan.sprm.gov.my>



: Muat naik aplikasi MACC mobile di *App Store* | *Google Play* | *Windows Phone Store*

### Terbitan :

Bahagian Pengurusan Integriti Dan Agensi (BPIA), SPRM  
Aras 8, Blok B  
No. 2, Lebuhr Wawasan  
Presint 7, 62250, Putrajaya  
Tel: 03-88910044 | E-mel: [urusetiaui@sprm.gov.my](mailto:urusetiaui@sprm.gov.my)